

Dr. Mahathir ajak umat Islam memanfaatkan sains tangani kemiskinan

UM 22 MAR 2005

KUALA LUMPUR 21 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad mengajak umat Islam supaya memanfaatkan sains bagi menangani kemiskinan di kalangan umat Islam.

Beliau berkata, pada masa ini tiga suku daripada penduduk Islam di dunia ini tinggal dalam kemiskinan tanpa makanan yang cukup dan mengalami kekurangan ubat serta tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna.

“Umat Islam perlu memajukan bidang sains bagi membawa kebaikan kepada umat manusia dan bukan untuk membawa kemusnahan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa menyampaikan ucapan

bertajuk *Sains untuk Kebaikan Umat Manusia* pada Persidangan Sains Malaysia-IAS (Akademik Sains Islam) 2005, di sini hari ini.

Beliau berkata, umat Islam juga perlu memanfaatkan sains bagi menangani wabak penyakit seperti Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang mudah berjangkit dan membunuh manusia dengan cepat.

“Sebaliknya, kita lebih mengambil berat masalah pengganas dan saintis ditugaskan mencari jalan bagaimana untuk mengatasi serangan oleh pihak pengganas,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sains pada masa ini tidak digunakan sepenuhnya untuk kepentingan manu-

sia tetapi ia lebih digunakan untuk kepentingan politik, untuk membunuh manusia dan mencipta senjata bagi tujuan kekerasan.

Beliau menggesa saintis Muslim supaya menjadi model dan menunjuk jalan kepada saintis lain bagaimana sains boleh dimanfaatkan untuk umat manusia dan bukan untuk membawa kemusnahan.

“Saintis Muslim mampu melakukannya kerana Islam pernah mencapai kegemilangan dalam bidang sains dan memimpin saintis Eropah semasa zaman keagungan Islam.

“Malahan, pada masa ini terdapat beratus-ratus saintis Muslim menyumbang pengetahuan mereka dalam bidang sains dan

menjalankan penyelidikan dalam bidang teknologi di negara maju,” katanya.

Beliau berkata, mereka berkhidmat di negara bukan Islam kerana negara-negara Islam meminggirkan mereka dan tidak melayan mereka dengan baik.

Katanya, negara-negara Islam perlu memberi peluang, pembiayaan, insentif, menyediakan infrastruktur seperti makmal dan peralatan kepada saintis Muslim supaya mereka bersedia berbakti dengan negara Islam.

Dr. Mahathir berkata, peluang ini perlu diberikan supaya Islam kembali memimpin sains seperti pada zaman kegemilangan Islam suatu masa dahulu.